

Bismillahirrahmanirahim

Alhamdulillahilahi rabbil 'alamin, wassaltuwassala mu'ala asyrafil anbia
iwal mursalin wa 'ala alihi wasahbihi ajmain

Assalamu alaikum warahmatullah hi wabarakatuh

Saya memanjatkan kesyukuran ke Hadrat Allah Subhanahu wata'la kerana dengan Limpah Izin-Nya jua kita dapat bertemu di majlis ini untuk mengingati semula jasa seorang hamba Allah bernama Abdul Razak bin Hussein dalam usahanya untuk membina sebuah negara – negara Malaysia - yang bersatu padu dan maju dalam semua bidang tanpa mengira kaum, selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya dari kerajaan British. Sama ada kita menyedarinya atau tidak, kita yang berada di dalam dan di luar dewan ini, dan di seluruh negara, telah menerima faedah, banyak atau sedikit, daripada hasil pemikiran dan visi Abdul Razak dan rakan-rakan yang mehyokong visinya yang telah dicurahkan dan diterapkan dalam beberapa dasar dan sistem pembangunan negara yang masih sukar dicari gantinya atau dirombak secara radikal dan menggantikannya dengan dasar-dasar dan sistem yang sama sekali baharu tanpa menimbulkan masalah-masalah yang mungkin lebih kompleks lagi bagi negara seperti Malaysia, iaitu negara pelbagai kaum, bahasa, budaya dan agama.

Yang Berbahagia Tan Sri Arshad bin Ayub, Pengerusi Persekutuan Badan-Badan Pendidikan dan Pembangunan Melayu dan Ahli-ahli Lembaganya

Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad

Y.A.Bhg. Tun Dr. Siti Hasmah bt. Mohd. Ali

Y.Bhg. Datuk Rofiah Binti Salim, Naib Canselor, Universiti Malaya,

Dif-dif Jemputan

Saudara Saudari Yang Dihormati Sekalian

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Persekutuan Badan-Badan Pendidikan Melayu, khususnya kepada Pengerusinya, Y.Bhg Tan Sri Arshad bin Ayub atas kesudiannya mengundang saya dan memberi saya penghormatan untuk menyampaikan 'Ceramah Agung Tahunan' Persekutuan ini. Mudah-mudahan Allah memberkati usaha ini.

Saudara saudari yang dihormati sekalian,

2. Salah satu cabaran besar yang dihadapi oleh Persekutuan Tanah Melayu dalam prosesnya untuk mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 ialah: bagaimanakah negeri ini yang penduduknya terdiri daripada pelbagai golongan etnik, bahasa dan budaya dapat dibina dan dibangunkan sebagai sebuah negara-bangsa ('nation-state') yang bersatu padu dan maju tanpa mengira kaum. Para pemimpin Melayu dan bukan Melayu (dalam Parti Perikatan) yang mengambil bahagian dalam perundingan dengan pihak British dari tahun 1955 hingga tahun 1957 untuk mencapai kemerdekaan menyedari bahawa pemerintahan British di Tanah Melayu telah memecah-mecahkan penduduk negeri ini ke dalam kotak atau 'compartment' atau kelompok etnik masing-masing melalui sistem dan dasar yang berbeza-beza dan yang bertentangan antara satu sama lain. Khususnya, kita melihat dasar atau strategi 'pecah dan perintah' ('divide and rule') ini dilakukan, baik dengan sengaja ('by design') atau pun tidak sengaja atau 'by default', melalui tiga sistem yang berbeza dan bertentangan itu, iaitu sistem pendidikan, dasar ekonomi dan pekerjaan, dan melalui dasar membiarkan kepelbagaian budaya etnik di Tanah Melayu menjadi punca perpecahan etnik.

DASAR DAN SISTEM PENDIDIKAN SEBELUM KEMERDEKAAN

3. Dalam bidang pendidikan, penduduk Tanah Melayu pada zaman itu dipecahkan atau diasingkan melalui sistem empat jenis sekolah yang berlainan, iaitu Sekolah aliran bahasa Melayu, sekolah aliran bahasa Cina, sekolah aliran bahasa Tamil yang kesemuanya dikategorikan sebagai *sekolah vernakular*, dan sekolah aliran bahasa Inggeris yang dianggap sebagai sekolah non-vernakular yang

diberikan taraf yang lebih tinggi daripada sekolah vernakular itu. Keempat-empat jenis sekolah itu tidak sahaja menggunakan bahasa pengantar yang berlainan bahkan sukatan pelajaran dan buku teks yang digunakan juga berbeza-beza. Sukatan pelajaran sekolah Melayu dan buku teks yang digunakan lebih berlatarbelakangkan atau berorientasikan Tanah Melayu, manakala sukatan pelajaran sekolah Cina dan sekolah Tamil dan buku teks yang digunakan diimport dari negeri China dan dari India, bahkan guru-guru pun didatangkan dari negeri China dan India. Di sekolah Inggeris, modelnya atau kiblatnya ialah England. Murid-murid dan pelajar di sekolah-sekolah itu, termasuk juga guru mereka, tidak mengetahui negeri ini, tidak mengetahui sejarah dan warisannya, dan tidak mengenali satu sama lain kerana mereka dipisahkan oleh sistem dan dasar yang berbeza-beza.

'PEMBANGUNAN EKONOMI' SEBELUM KEMERDEKAAN

4. 'Pembangunan ekonomi' pula (kalau istilah ini boleh kita gunakan) pada zaman itu ialah 'ekonomi segregasi', yakni, ekonomi yang jelas tidak seimbang dan tidak adil antara kaum dan antara kawasan. Kawasan luar bandar (istilah ini diciptakan selepas Merdeka) yang majoriti penduduknya ialah orang Melayu tidak dimajukan; manakala hampir semua kegiatan ekonomi dan perusahaan yang produktif ditumpukan di kawasan bandar yang kebanyakan penduduknya bukan orang Melayu. Maka wujudlah berbagai-bagai keadaan ekonomi dan sosial yang tidak seimbang dan tidak adil antara kaum, atau khususnya antara orang Melayu yang merupakan penduduk majoriti di Tanah Melayu dengan penduduk minoriti bukan Melayu yang kebanyakannya bukan warga atau rakyat Tanah Melayu pada waktu itu tetapi merupakan kaum pendatang. Wujudlah kemiskinan ekonomi dan sosial di luar bandar dan kemudahan serta kemewahan ekonomi dan sosial di kawasan bandar; wujudlah sektor dan pola-pola pekerjaan yang bercorak etnik: orang Melayu bekerja atau dibiarkan bekerja dalam 'ekonomi cukup makan' ('subsistence economy'), mencari rezeki sebagai petani, sebagai pentadbir awam pembantu British, sebagai kerani dan sebagai pekerja biasa dalam sektor awam; orang Cina kebanyakannya bekerja sebagai pedagang, sebagai peniaga,

pekedai, sebagai pembuat barangan, sebagai tauke, dan sebagai pelombong bijih, dan kaum India bekerja di ladang getah atau sebagai buruh 'public works' (kerja raya) dan buruh kereta api, atau sebagai pembantu teknik dan profesional.

5. Dasar imigresen pada zaman itu tidak mempedulikan keselamatan dalam negeri. Pintu Tanah Melayu dibuka seluas-luasnya kepada orang asing atau pendatang dari kawasan di luar kawasan 'Dunia Melayu' di Rantau ini, iaitu dari negeri China dan dari India, sehingga akhirnya di beberapa buah negeri di Tanah Melayu (misalnya Perak, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Pahang) penduduk dari negeri China dan India hampir-hampir sama banyaknya dengan penduduk Melayu. Keadaan ini semua, jikalau tidak dicegah dan diselesaikan segera pasti lambat laun boleh menjadi punca pertelingkahan etnik yang dahsyat di negeri ini.

MENJELANG KEMERDEKAAN

6. Banyak orang menyangka bahawa apabila British meninggalkan Tanah Melayu, akan berlaku huru-hara etnik. Para pemimpin Melayu dan bukan Melayu dalam Parti Perikatan cukup menyedari akan kemungkinan berlakunya keadaan itu akibat *ethnic divide* atau perpisahan etnik yang secara strategik diwujudkan oleh British itu semata-mata untuk kepentingan politik dan ekonomi Britain. Mereka menyedari bahawa pilihan yang ada pada kita hanya dua: sama ada keadaan yang diwujudkan oleh British itu dikekalkan dan diteruskan selepas kemerdekaan dan bersedia menghadapi risikonya, atau keadaan itu dirombak dan digantikan dengan suatu 'model' baharu yang dapat menyelesaikan masalah 'perpaduan etnik' sebagai asas atau tapak yang di atasnya dapat dibina sebuah negara yang maju dalam semua bidang *untuk kepentingan negara*, bererti untuk kepentingan semua kaum.

7. Apakah 'model' baharu yang patut dibentuk dan dibina itu? Di sinilah Tun Abdul Razak memainkan peranan penting untuk menjawab soalan strategik ini, yang merupakan soalan 'hidup mati' bagi kita di negara ini. Dia meletakkan suatu asas yang terbaik bagi negara seperti Malaysia untuk melangsungkan kewujudannya

sebagai sebuah negara-bangsa yang bersatu-padu, maju dan adil untuk semua penduduk (rakyat), merentas sempadan dan kepentingan kaum, bahasa dan budaya etnik, dan agama demi kepentingan *nasional* atau kepentingan negara, bukan kepentingan etnik. Dalam banyak hal visi Tun Razak mendahului zamannya, dan jikalau kita hari ini merenungi semula sumbangan Razak itu sedalam-dalamnya, dengan akal dan perasaan yang bijak dan tidak beremosi, kita akan menyedari bahawa kebanyakan wawasan atau visi dan formula pembinaan negara-bangsa Malaysia yang terbentuk pada zaman pentadbirannya tetap *valid* dan relevan hingga hari ini.

8. Saya akan membincangkan atau cuba mengimbas semula visi dan formula Razak itu dalam tiga bidang, iaitu bidang pendidikan, bidang pembangunan ekonomi dan bidang budaya.

WAWASAN PENDIDIKAN RAZAK

9. Dalam tahun 1955, Tun Razak sebagai Menteri Pelajaran dalam kabinet 'kerajaan pemerintahan sendiri' Tunku Abdul Rahman yang menjadi Ketua Menteri, telah diberi amanah untuk mempengerusikan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji semula dasar dan sistem pelajaran yang ditinggalkan oleh British, dan mengemukakan syor-syor kepada kerajaan untuk ditimbangakan. Jawatankuasa ini, yang dikenali sebagai *Jawatankuasa Pelajaran Razak*, dianggotai oleh wakil semua kaum di Persekutuan Tanah Melayu (termasuk beberapa orang pegawai kanan British yang masih bertugas di Tanah Melayu), dan telah menerima sejumlah 164 memorandum, cadangan dan surat-surat dari pelbagai pertubuhan (termasuk dari 13 kerajaan asing) dan orang perseorangan untuk pertimbangannya.

10. Jawatankuasa ini mencadangkan dua formula penting untuk mewujudkan perpaduan bangsa atau negara melalui sistem pelajaran: Pertama, sistem persekolahan di Persekutuan Tanah Melayu (Persekutuan Malaysia) hendaklah menggunakan sukatan pelajaran yang sama (= 'common-content syllabus'); dan kedua, sistem pendidikan kebangsaan selepas Merdeka hendaklah menggunakan satu bahasa yang sama, iaitu bahasa kebangsaan,

sebagai *bahasa pengantar utama* dalam sistem itu. Menurut laporan Jawatankuasa itu, yang saya petik dalam versi bahasa Inggerisnya: '[Education in Malay should aim] *to bring together the children of all races under a national education system in which the national language is the main medium of instruction though we realise that progress towards this goal cannot be rushed and must be gradual*' (dipetik dari *Razak Education Committee Report*, Chapter II, Paragraph 12).

11. Syor itu diterima oleh Kabinet atau kerajaan dan akhirnya dibawa ke Majlis Perundangan Persekutuan (atau Federal Legislative Council) pada 18 Mei 1956 untuk dibahaskan. Beberapa orang penyokong kerajaan dari UMNO dalam Majlis itu telah membantah beberapa Perakuan Jawatankuasa Pelajaran Razak itu; mereka menganggap Jawatankuasa itu terlalu banyak menyerah kepada tuntutan orang bukan Melayu. Razak dan rakannya (Tun) Dr. Ismail Abdul Rahman mempertahankan laporan itu. Dr. Ismail berkata 'kemerdekaan bukanlah hanya untuk orang Melayu sahaja tetapi juga untuk semua kaum lain yang diam di negeri ini'. Keputusan Majlis Perundangan Persekutuan (Federal Legislative Council) itu kemudiannya dikanunkan dalam *Ordinan Pelajaran 1957* (yang menggantikan *Education Ordinance 1952* (zaman British)). *Education Ordinance 1952* itu tidak menyenangkan hati kaum Cina dan juga orang Melayu. Kaum Cina membantah *Ordinance* itu kerana mengasingkan pendidikan Cina daripada sistem kerajaan (awam), yakni, pendidikan Cina diserahkan kepada pihak swasta dan tidak mendapat apa-apa bantuan kerajaan. Tetapi kaum Cina 'berpuas hati' apabila dasar pendidikan baharu wawasan Razak yang diperundangan dalam *Ordinan Pelajaran 1957* mengiktiraf bahawa pendidikan dalam bahasa Cina adalah termasuk dalam tanggungjawab kerajaan dan akan diberikan bantuan kewangan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, misalnya, menerima sukatan pelajaran kerajaan dan mengajarkan bahasa kebangsaan sebagai mata pelajaran wajib di sekolah Cina. [Perkara ini telah dibincangkan oleh Tan Liok Ee (1997) dalam buku *The Politics of Chinese Education in Malaya 1945-1961* (tesis Ph.D-nya, Kuala Lumpur: OUP)]. Orang Melayu membantah *Ordinance* itu kerana

mengekalkan pendidikan dalam bahasa Melayu di peringkat rendah sahaja, tidak dinaikkan ke peringkat pendidikan menengah.

12. Berdasarkan sistem atau dasar pelajaran wawasan Razak itu maka semua sekolah di negara ini, sama ada Sekolah Kebangsaan mahupun Sekolah Jenis-Kebangsaan aliran bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris, mulai menggunakan sukatan pelajaran yang sama, tidak lagi seperti zaman sebelum Merdeka, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi.

13. Sekolah Melayu yang wujud sebelum kemerdekaan digantikan dengan 'Sekolah Kebangsaan', dan di sekolah kebangsaan inilah, bahasa Kebangsaan digunakan sebagai bahasa pengantar utamanya. Bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah kebangsaan dan juga di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Ini bererti bahawa pelajar kita di sekolah kebangsaan, selain dididik melalui bahasa Kebangsaan, dikehendaki mengetahui bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris. Dasar yang baik ini tidak ada pada Sekolah Melayu sebelum Merdeka.

14. Apabila berlaku peristiwa 13 Mei (kira-kira 12 tahun selepas Merdeka), pentadbiran negara di bawah Majlis Gerakan Negara atau MAGERAN, melalui Menteri Pelajaran waktu itu, menggunakan kuasa Akta Pelajaran 1961, Seksyen 21 (b) untuk menukarkan taraf Sekolah Jenis-Kebangsaan Inggeris kepada taraf Sekolah Kebangsaan. Pertukaran taraf ini dimulakan dalam tahun 1970 dan sampai tahun 1981, semua mata pelajaran Sekolah Jenis-Kebangsaan Inggeris yang lama, dari Darjah I hingga ke Tingkatan VI (dan peperiksaan 'Higher School Certificate' yang digantikan dengan Sijil Tinggi Persekolahan), diajarkan dan dikendalikan dalam bahasa kebangsaan. Dalam tahun 1982, semua Universiti awam dikehendaki memulakan pengajaran kursus-kursus tahun pertama dalam bahasa kebangsaan. Tetapi kita jangan lupa bahawa bahasa Melayu sudah digunakan sebagai bahasa pengantar utama di peringkat pengajian tinggi sejak tahun 1970, iaitu di Universiti Kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan dalam tahun itu. Bahkan dalam tahun 1965 kumpulan pertama pelajar Sekolah Kebangsaan Aminuddin Baki telah diterima masuk ke Universiti Malaya untuk mengikuti Ijazah Pertamanya dalam bahasa Kebangsaan.

APAKAH KESAN VISI DAN FORMULA RAZAK ITU?

15. Salah satu matlamat penting dasar pelajaran Razak itu ialah untuk melahirkan atau membina masyarakat dan negara Malaysia yang bersatu padu. Ini masalah yang ditinggalkan, dengan sengaja atau tidak sengaja, oleh British. Banyak orang hari ini tentu bertanya: setakat manakah bahasa Melayu dapat atau telah dapat menyatupadukan rakyat pelbagai etnik dan bahasa di negara ini? Menurut mereka, bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan orang Melayu dan sering memainkan peranan atau digunakan, terutama dalam keadaan yang mendesak dan mencabarkan, sebagai alat perpaduan bangsa Melayu. Bahasa Cina tentulah juga merupakan bahasa perpaduan orang Cina, begitu juga bahasa Tamil yang menjadi bahasa budaya atau bahasa perpaduan orang Tamil. Persepsi biasa kita ialah, tentulah tidak mungkin bahasa Melayu dapat 'menyatupadukan' semua kaum yang mempunyai 'bahasa ibunda' masing-masing itu. Isu ini sering ditimbulkan dalam tahun-tahun 1960-an, terutama oleh Parti Tindakan Rakyat atau People's Action Party (PAP) yang diketuai oleh Lee Kuan Yew semasa Singapura menjadi anggota Persekutuan Malaysia, yang menuduh dasar itu bertujuan untuk menjadikan negara ini sebagai 'negara orang Melayu' sahaja, lalu mereka memperjuangkan konsep 'Malaysian Malaysia'.

16. Tetapi tuduhan itu tidak benar sama sekali. Ada suatu perkara penting yang mungkin tidak terfikir oleh kebanyakan orang tetapi dapat ditanggapi secara bijak oleh Razak atau Jawatankuasa Pelajaran Razak. Razak dan Jawatankuasa Pelajarannya membezakan taraf, nilai dan fungsi bahasa Melayu sebagai *bahasa kebangsaan BANGSA Melayu* dengan nilai dan fungsinya sebagai *bahasa kebangsaan NEGARA Malaysia*. Yang satu mempunyai fungsi sosiobudaya atau fungsi etnik-nasionalis, manakala yang satu lagi fungsinya ialah sebagai alat pembangunan dan perpaduan negara atau *national solidarity* atau *national unity*, bukan *ethnic unity*. Perbezaan ini sangat penting kita fahami dan hayati dengan sedalam-dalamnya dalam usaha kita untuk membina negara yang

bersatu padu melalui satu bahasa kebangsaan sebagai salah satu alatnya. Apabila Perlembagaan tahun 1957 mengisytiharkan bahawa bahasa Melayu ialah *bahasa kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu* (kemudian mulai September 1963, bahasa kebangsaan Malaysia), ini bererti bahawa bahasa kebangsaan itu tidak lagi merupakan bahasa kebangsaan *bangsa* Melayu sahaja tetapi ialah bahasa kebangsaan *negara*. Apakah yang dimaksudkan dengan *bahasa kebangsaan negara*? Maksudnya ialah, bahasa ini berfungsi atau diberikan fungsi baharu, iaitu sebagai *alat perpaduan dan pembinaan negara*, tidak lagi hanya sebagai alat perpaduan dan kemajuan bangsa Melayu. Ini bererti bahawa tujuan Jawatankuasa Pelajaran Razak bukanlah untuk menyatupadukan kaum-kaum di Malaysia ini secara 'cultural' melalui bahasa Melayu tetapi ialah untuk melahirkan suatu sistem pelajaran kebangsaan yang 'bebas etnik' atau '*ethnic-neutral*' untuk menuju ke arah pembentukan *integrasi nasional*, tidak ke arah perpecahan etnik.

17. Dan bahasa Melayu dipilih sebagai salah satu 'alat' untuk mencapai matlamat itu, tidak bahasa-bahasa lain, kerana bahasa ini mempunyai beberapa kelebihan sosiobudaya dan sosiopolitik yang tidak terdapat pada bahasa-bahasa lain – termasuk bahasa Inggeris - *di negara ini*. Saya hendak menyebut satu sahaja kelebihanannya, iaitu kelebihanannya sebagai bahasa yang mampu dan telah menjadi *lingua franca* sejak ratusan tahun lamanya, tidak sahaja di negeri ini bahkan di seluruh rantau berbahasa Melayu yang penduduknya terdiri daripada puluhan, malah ratusan kumpulan etnik dan bahasa-bahasa etnik ('*ethnic languages*') seperti di Indonesia. *Lingua franca* bererti *bahasa komunikasi luas*, bahasa yang sudah mencapai taraf sebagai *bahasa supraetnik*, yakni, bahasa yang dapat merentas sempadan etnik dan digunakan sebagai alat perhubungan antara kaum yang mempunyai bahasa yang berbeza-beza, tidak sahaja dalam bidang-bidang sosial yang mudah seperti di pasar (sebagai 'bahasa pasar') tetapi juga dalam urusan antara kerajaan dengan masyarakat pelbagai etnik, dalam bidang politik, bidang ekonomi, bidang persuratan, dan agama. Inilah ciri sosiolinguistik dan sosiologi bahasa yang sudah ada lama dalam sejarah bahasa Melayu untuk melayakkannya diangkat tarafnya sebagai bahasa kebangsaan atau

lingua franca kebangsaan ('a national lingua franca') negara Malaysia dalam tahun 1957 (1963).

18. Jadi, yang penting bukan setakat manakah bahasa Melayu telah dapat menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan bahasa di negara ini tetapi ialah setakat manakah bahasa ini, *sebagai bahasa kebangsaan negara*, telah dapat dijadikan alat untuk membentuk *perpaduan nasional*, atau alat untuk membentuk *integrasi nasional* atau integrasi negara, di samping menjadi alat pembangunan negara tanpa mengira kaum. Inilah matlamat dasar pelajaran kebangsaan kita selama ini. Untuk mencapai matlamat itu, fungsi dan tujuan bahasa kebangsaan itu hendaklah bercorak *bebas-etnik* atau 'ethnic-neutral' dan tidak dilihat sebagai alat untuk kepentingan bangsa Melayu sahaja tetapi untuk kepentingan negara, bererti, untuk kepentingan semua kaum.

19. Suatu ketika dahulu, orang bukan Melayu menyangka bahawa sistem atau dasar itu akan hanya menguntungkan orang Melayu dan merugikan orang bukan Melayu. Tetapi setelah dasar itu dilaksanakan selama lebih 35 tahun (dari tahun 1970 hingga kini), ternyata tiada pihak atau kaum yang tersisih atau terpinggir dalam arus pembangunan negara disebabkan dasar itu. Bahkan yang kian jelas kita lihat ialah, kaum-kaum bukan Melayu mampu mengalahkan orang Melayu dalam bahasa Melayu itu sendiri. Misalnya, sejak tahun 1990-an pelajar bukan Melayu yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM, STPM dan yang memperoleh keputusan Kelas Pertama dalam peperiksaan peringkat Ijazah Pertama di IPTA lebih banyak daripada pelajar Melayu, padahal kursus-kursus diajarkan dalam bahasa Kebangsaan dan peperiksaannya dikendalikan dalam bahasa Kebangsaan. Tidak terjadi penyisihan atau diskriminasi etnik atau diskriminasi bahasa dalam sistem itu. Inilah salah satu hasil luar biasa wawasan pelajaran Razak yang selalunya kita tidak sedari.

20. Bandingkan dasar dan sistem ini dengan dasar dan sistem sebelum Merdeka: Beberapa banyak anak Melayu dan bukan Melayu tidak maju dalam bidang pendidikan kerana dasar atau sistem pendidikan zaman itu memisahkan rakyat daripada proses kemajuan

negeri disebabkan mereka tidak mengetahui atau terdidik dalam bahasa Inggeris. Pada zaman itu tidak ada seorang pun anak Melayu yang menjadi pakar sains, pakar perubatan, menjadi profesor dalam pelbagai bidang ilmu dalam bahasa Melayu, tetapi selepas Merdeka, hasil daripada wawasan pelajaran Razak, berpuluh-ribu anak kita daripada semua kaum, tidak sahaja orang Melayu, berjaya menjadi sarjana dan pakar dalam pelbagai bidang ilmu, termasuk sains dan matematik, melalui bahasa Melayu.

21. Itulah hasil wawasan pelajaran Razak. Syak wasangka atau ketidakyakinan sesetengah pihak terhadap tujuan dan motif dan kebaikan dasar itu yang sering disuarakan dalam tahun 1960-an dan 1970-an akhirnya reda setelah mereka menyedari bahawa dasar itu rupa-rupanya menguntungkan semua kaum dan tidak merugikan mana-mana pihak. Perlu diingat, dasar yang lahir dari wawasan Razak itu tidak menghapuskan sekolah aliran bahasa Cina dan sekolah aliran bahasa Tamil. Ini menunjukkan bahawa dasar pelajaran Razak tidak bercorak 'perkauman'. Barangkali elok kita sebutkan di sini bahawa di Singapura yang penduduk majoritinya ialah orang Cina, tidak ada sekolah awam Cina di sana. Saya difahamkan di negara itu hanya terdapat lebih kurang empat atau lima buah sekolah Cina swasta di luar sistem pelajaran rasmi kerajaan.

22. Maka saya berasa terperanjat apabila ada pihak yang berkata bahawa dasar pelajaran wawasan Razak itu sudah ketinggalan zaman, sudah usang, sudah 'obsolete'. Sebenarnya, beberapa masalah *budaya pelajaran* ('cultural problems of education') yang sering timbul hari ini adalah disebabkan, antara lainnya, kita makin lemah dalam melaksanakan dasar pelajaran asal itu, atau disebabkan kita tidak mempunyai visi dan dasar yang lebih baik daripada visi dan dasar pelajaran Razak itu. Kita sering melakukan perubahan yang tidak berdasarkan visi dan matlamat yang jelas, yang sesuai dengan keadaan kita di Malaysia, bukan berdasarkan keadaan di negara lain. Akibatnya, kita lebih banyak cuba menyelesaikan masalah 'operational' di peringkat jujuk-jujuknya atau rutinnya sahaja, daripada menyelesaikan masalah prinsip dan dasar. Yang menjadi mangsa ialah anak-anak kita, pelajar kita.

Jikalau kita berpegang pada dasar yang lama itu, dasar yang ternyata telah melahirkan kebaikan yang mengagumkan, saya percaya sistem pelajaran kita di Malaysia akan terus dapat melahirkan masyarakat yang adil, berbudaya dan bersepadu, dan maju serta cemerlang dalam bidang pendidikan. Itulah acuan atau model kita. Apakah kita mempunyai pilihan lain yang lebih baik?

- 23. Barangkali elok kita menyebut contoh beberapa buah negara yang dahulunya, kira-kira 30 tahun dahulu, miskin atau tidak maju tetapi akhirnya berjaya bangun semula sebagai negara maju ekonomi, maju ilmu dan maju teknologi melalui dasar pendidikan acuan sendiri, yakni pendidikan dalam bahasa sendiri dan berdasarkan falsafah, tamadun dan budaya bangsa yang diwarisi secara bersama sejak zaman 'klasik' mereka. Demikianlah, kita melihat bangsa Cina (di China), dan bangsa Jepun, dan Korea Selatan, menjadi negara kuasa ekonomi baru di dunia kerana mereka mengekalkan akar atau 'model' budaya dan tamadun mereka dalam sistem pendidikan dan pembangunan ekonomi negara mereka. Misalnya, bangsa Cina mewarisi falsafah pendidikan Kon Fu Tse (Confucius). Mereka *berfikir, mencipta dan mengembangkan ilmu dalam bahasa kebangsaan mereka*, tidak dalam bahasa lain. Kalau pun mereka mempelajari ilmu dan teknologi orang lain dalam bahasa Inggeris misalnya, mereka tidak akan hanya meniru dan mengeluarkan semula ('reproduce') ilmu orang lain itu tetapi menggunakan ilmu atau produk orang lain itu untuk melakukan pelbagai proses *reinvention*, untuk memberikan nilai tambahan kepada produk itu berdasarkan 'genius' dan daya cipta bangsa sendiri. Dan proses ini hanya dapat dilakukan melalui 'budaya dan kreativiti bahasa' bangsa itu sendiri.

24. Dalam suatu kajian perbandingan tentang kecemerlangan pelajar dalam bidang sains dan matematik dari beberapa buah negara, didapati bahawa pelajar Jepun dan Cina lebih pintar dan dapat mengatasi pelajar Amerika dan negara-negara Barat yang lain dalam bidang itu. Sebabnya ialah, pelajar Jepun dan Cina itu diajarkan berfikir dan mempelajari konsep-konsep ilmu sains dan matematik dalam bahasa sendiri dan berdasarkan *kaedah pelajaran* bangsa mereka yang telah diwarisi sejak berabad lamanya.

25. Falsafah dan tamadun Cina sangat bertentangan dengan ideologi komunisme. Deng Xiao Peng (yang dianggap sebagai bapa 'pembaharuan ekonomi' Cina) mengungkapkan falsafah ekonomi Cina melalui kata-katanya yang terkenal: 'Saya tidak peduli sama ada kucing itu *merah* atau putih; yang penting ialah kucing pandai menangkap tikus'. Beliau juga berkata, 'Jangan berikan ikan kepada petani; berikan alat menangkap ikan kepadanya. Itu lebih baik'.

26. Kerana inilah mereka makin lama makin mempunyai daya saing yang kuat di dunia. Dan kalau kita kaji implikasi 'budaya' dasar pendidikan wawasan Razak secara mendalam, kita akan memahami itulah juga matlamatnya, iaitu untuk membangunkan bangsa dan negara Malaysia berdasarkan acuan sendiri dan berdasarkan daya cipta bangsa Malaysia yang terdiri daripada tiga kumpulan bangsa atau etnik yang bertamadun besar: iaitu bangsa Melayu, kaum Cina dan kaum India. Jika tiga bangsa atau kaum ini dapat disepadukan dalam rangkaian permuafakatan dan kerjasama dalam pembangunan negara ini melalui sistem 'pendidikan perpaduan' itu, saya rasa kita pasti dapat melahirkan bangsa Malaysia yang 'cemerlang, gemilang dan terbilang' di dunia ini.

WAWASAN PEMBANGUNAN EKONOMI RAZAK

27. Bagaimanapun, integrasi nasional harus ditangani secara menyeluruh dan bersepadu. Tidak mungkin perpaduan nasional atau integrasi nasional dapat dibina dan dipupuk secara berpetak-petak, misalnya melalui dasar atau sistem pelajaran sahaja. Ia harus ditangani sebagai agenda kebangsaan atau nasional yang bersepadu, meliputi segala aspek hidup dan keadaan bangsa dan negara. Tidak guna jikalau penduduk Malaysia cuba diintegrasikan melalui sistem pelajaran seperti yang telah kita huraikan tadi sekiranya terdapat 'dasar' atau sistem lain sepeninggalan British yang boleh membawa kepada perpecahan dan polarisasi etnik dalam pelbagai bidang lain pula, misalnya dalam bidang pembangunan ekonomi atau dalam bidang budaya atau politik. Razak telah memikirkan soal integrasi dan keadilan ekonomi merentas sempadan etnik sejak beberapa tahun selepas tahun 1956. Apabila berlaku

peristiwa 13 Mei (1969), Razak sebagai Pengarah MAGERAN, telah menggunakan kesempatan itu tidak sahaja untuk melaksanakan sistem pelajaran kebangsaan seperti yang tersebut tadi, dia juga mengarahkan dan mengemblengkan fikiran orang lain ke arah pembentukan suatu dasar pembangunan ekonomi yang lebih bercorak 'integratif' atau 'ko-operatif', dan lebih adil antara kaum. Maka lahirlah Dasar Ekonomi Baru. Matlamatnya ialah (a) untuk

- menyusun semula struktur masyarakat dan (b) untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Segregasi masyarakat berdasarkan
- penyertaan ekonomi dan pekerjaan yang berbeza-beza antara kaum akan cuba dihapuskan melalui dasar ini. Untuk mencapai matlamat itu keadaan ekonomi orang Melayu perlu diperbaiki sehingga mereka dapat mencapai sekurang-kurangnya 30% milik kekayaan ekonomi negara dalam tempoh 20 tahun (1970-1990).

28. Pada ketika Dasar Ekonomi Baru diumumkan, beberapa pihak mengkritiknya sebagai dasar 'pro-Bumiputera' atau sebagai dasar yang akan mendiskriminasikan kaum-kaum lain. Ada juga pihak yang memberi amaran bahawa ekonomi negara akan rosak sekiranya kerajaan campur tangan atau turut mengambil bahagian secara langsung dalam perniagaan dan perusahaan ekonomi. Mereka percaya, berdasarkan ilmu atau 'peraturan klasik' ekonomi kapitalisme atau ekonomi 'pasaran bebas' bahawa ekonomi negara harus diserahkan bulat-bulat kepada kaum pemodal atau kepada sektor swasta sepenuhnya. Campur tangan kerajaan dalam bidang ini, menurut mereka, boleh menyebabkan ekonomi negara tidak produktif, tidak cekap dan tidak kompetitif.

29. Tetapi, kalau kita perhatikan betul-betul, akan jelas kepada kita bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak menolak peraturan 'ekonomi pasaran bebas'; Dasar Ekonomi Baru cuma cuba menyesuaikan peraturan itu dengan keadaan di Malaysia pada ketika dasar itu digubal. Pada ketika itu ketinggalan orang Melayu dalam bidang ekonomi akibat dasar British seperti yang tersebut tadi tentunya tidak dapat diselesaikan semata-mata oleh ekonomi pasaran atau oleh ekonomi kapitalisme sahaja. Kerajaan yang dipilih oleh rakyat bertanggungjawab untuk memajukan keadaan ekonomi mereka, dan jika pasaran bebas atau sektor swasta tidak berjaya menyelesaikan

masalah ini maka wajiblah kerajaan 'campur tangan' demi kepentingan perpaduan negara. Fikiran biasa kita atau 'common sense' kita berkata bahawa orang yang miskin tidak mungkin dapat bersaing dengan para pemodal yang kaya raya, para tauke, dalam pasaran bebas. Mereka harus dibantu sehingga mereka dapat berdikari dan memperoleh daya saing yang cukup untuk bergerak secara kompetitif dalam pasaran bebas.

30. Jadi, bagi kita di negara ini, Dasar Ekonomi Baru itu bukanlah sebuah 'pakej ekonomi' semata-mata; lebih penting lagi ia merupakan pakej 'social engineering' atau *rancangan pembinaan sosial* yang mempunyai matlamat yang lebih besar daripada setakat untuk menyelesaikan masalah ekonomi orang Melayu sahaja. Ia adalah suatu agenda negara, agenda nasional (bukan agenda Melayu), untuk membentuk integrasi nasional dan mengelak kemungkinan berlakunya perpecahan etnik disebabkan wujudnya dasar dan peraturan yang tidak adil kepada satu-satu kaum, baik dalam bidang pendidikan, bidang politik, bidang budaya dan sosial dan dalam bidang pembangunan ekonomi. Kita telah melihat betapa keadaan yang tidak adil itu, yang kita warisi dari zaman British, telah menimbulkan kesan yang buruk, iaitu berlakunya Peristiwa 13 Mei. Dan peristiwa itulah yang mendorong para pemimpin kita yang bijaksana pada masa itu untuk melahirkan gagasan Dasar Ekonomi Baru sebagai rancangan nasional, bukan sebagai rancangan untuk kepentingan bangsa Melayu tetapi untuk kepentingan NEGARA, ertinya, untuk kepentingan semua kaum, samalah halnya dengan rancangan menjadikan bahasa Melayu sebagai *bahasa kebangsaan negara*.

31. Jangan lupa, di Amerika, negara kapitalis yang dikatakan 'unggul', Pentadbiran Clinton pernah mencuba menyelesaikan masalah perkauman di sana melalui tindakan pengukuhan sosial atau '*affirmative social actions*' untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan sosial penduduk kulit hitam dan penduduk peribumi. Tujuannya ialah untuk menyelesaikan masalah 'perkauman' atau etnik yang ditimbulkan oleh dasar ekonomi dan sosial yang tidak memihak kepada golongan-golongan penduduk 'bukan kulit putih'. Bagaimanapun, seorang pengkritik 'dasar' Clinton itu menganggap

matlamatnya tidak akan tercapai kerana dasar itu masih mengekalkan struktur ekonomi dan sosial yang lama; dengan kata lain, tidak berlaku penyusunan semula atau 'restructuring' masyarakat seperti yang cuba dilakukan melalui Dasar Ekonomi Baru di Malaysia, sehingga tidak berlaku kesan 'trickle-down effect' atau pengagihan kekayaan ekonomi secara merata atau melata, dan lebih adil.

32. Ada orang yang berkata bahawa Razak berfaham 'sosialis'. Tetapi istilah ini bukan istilah atau ideologi kita. Kita bangsa Timur lebih percaya kepada kehidupan yang holistik, yang berimbangan atau cara hidup pertengahan atau *wasatiah* (kalau mengikut prinsip pembangunan Islam), tidak melampau ke kiri, tidak melampau ke kanan tetapi pertengahan. Dasar Ekonomi Baru membayangkan falsafah ini. Dasar Ekonomi Baru mencuba suatu sistem 'ekonomi-campuran' atau 'mixed-economy', iaitu model pembangunan pertengahan antara ekonomi pasaran bebas dengan ekonomi pro-rakyat yang miskin atau yang dipinggirkan oleh struktur ekonomi itu. Dasar Ekonomi Baru bukan strategi ekonomi 'Robin Hood', sebagaimana yang pernah kita dengar daripada suara orang yang mengkritik dasar itu suatu ketika dahulu. Dasar Ekonomi Baru tidak bertujuan untuk mengambil atau merampas kekayaan orang lain untuk diberikan kepada orang miskin. Dasar Ekonomi Baru cuba membantu ekonomi Melayu yang tercicir dan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dengan cara membesarkan *the economic cake* atau, katakanlah 'kuih ekonomi negara', melalui pertumbuhan dan pengembangan ekonomi negara yang lebih pesat.

33. Maka banyaklah institusi ekonomi Melayu yang ditubuhkan untuk membantu dan menggalakkan orang Melayu mengambil bahagian dalam sektor ekonomi dan perusahaan produktif, perniagaan dan pemasaran. MARA, FIMA, PERNAS, PETRONAS, dan banyak lagi perbadanan awam yang ditubuhkan untuk berusaha mencapai matlamat sekurang-kurangnya 30% ekuiti ekonomi negara bagi kaum bumiputera.

APAKAH KESAN DASAR EKONOMI BARU?

34. Selepas 20 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, ternyata matlamatnya tidak tercapai. Kalau kita percaya kepada statistik kita boleh berkata bahawa Dasar Ekonomi Baru gagal – gagal kerana tidak berjaya mencapai matlamat 30% itu. Hanya 18% atau kurang daripada itu sahaja yang tercapai.

35. Jadi, jikalau Dasar Ekonomi Baru itu gagal dalam tempoh 20 tahun tersebut, jangan kita menuduh 'model ala-Razak' itu salah atau tidak betul atau anti-kapitalisme atau pasaran bebas. Sebabnya yang sebenar banyak tetapi dua daripadanya yang dapat kita sebutkan di sini ialah: (a) kita melagakan [atau kata orang Inggeris 'we militate against'] Dasar Ekonomi Baru dengan model pasaran bebas *sebelum* dasar itu dapat membuktikan hasil atau kebaikannya; dan (b) dasar itu tidak dilaksanakan dengan betul, cekap, bersih dan amanah. Inilah dua punca pokok yang menyebabkan Dasar Ekonomi Baru itu gagal di tengah jalan atau tidak berjaya mencapai matlamatnya dalam tempoh 20 tahun dari tahun 1970 hingga 1990. Orang Melayu terlepas banyak peluang untuk menyamakan taraf ekonomi dan sosial mereka dengan kaum-kaum lain di negara ini, dan kesan ekornya terasa hingga hari ini, malah semakin serius.

36. Jika Dasar Ekonomi Baru mahu diteruskan, model ala-Razak itu perlu kita jadikan panduan yang asas dan pelaksanaannya harus lebih cekap dan bersih.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

37. Strategi ketiga yang digunakan untuk membentuk integrasi nasional ialah melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Konsep tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini telah dibahaskan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 1971. Dalam ucapannya merasmikan Kongres itu, Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia, berkata:

'...nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau Nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kaya raya dan tinggi mutunya. Maka sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa Kebudayaan Kebangsaan yang sedang

dibentuk dan dicorakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Bagaimanapun, patutlah juga kita mengambil unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh ke atasnya semenjak beberapa lama supaya pengaruh yang bermanfaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa hadapan. Namun, haruslah diingat, dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan (itu) kita tidak melupakan hakikat masyarakat berbilang bangsa. Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk sebuah negara dengan rakyatnya daripada berbagai-bagai kaum dan golongan dijalin dalam satu ikatan yang padu'.

38. Tema utama dalam ucapan Razak itu ialah, penegasannya tentang pentingnya perpaduan atau integrasi nasional juga dibentuk melalui gagasan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu. Untuk mencapai tujuan itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan didasarkan atas tiga 'unsur' utama, iaitu (a) Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini; (b) unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan; dan (c) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

39. Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada mulanya dibantah oleh orang bukan Melayu kerana menganggap dasar itu seolah-olah menolak kepelbagaian budaya ('multiculturalism') yang terdapat di negara ini. Memang, Malaysia ialah negara pelbagai budaya dan agama. Budaya dan agama ini mempunyai beberapa perbezaan yang asas, terutama di peringkat 'ritual'nya atau amalan adat resamnya, tetapi budaya dan agama yang berbeza-beza ini juga memiliki nilai sosial, nilai kemanusiaan, nilai moral yang sama, yang sifatnya sejagat. Manusia selalu bergaduh dan berselisih faham kerana mereka tidak memahami nilai-nilai yang sama itu. Mereka berselisih faham dan kadang-kadang bergaduh kerana perbezaan bentuk, perbezaan ritual. Dasar Kebudayaan Kebangsaan tidak bertujuan untuk 'Memelayukan' atau 'memperibumikan' atau 'mengIslamkan' budaya penduduk Malaysia – perbuatan ini pasti akan menimbulkan pertelingkahan etnik yang tentunya akan

menyusahkan negara. Yang penting ialah, Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah suatu 'model' atau acuan kebangsaan (bukan acuan 'private' atau 'acuan etnik') yang dianggap sesuai untuk memupuk *nilai-nilai bersama kebangsaan* ('common national values'). Nilai bersama kebangsaan bererti, nilai yang dapat merentas segala macam sempadan etnik dan amalan budaya setempat atau 'localised customs' untuk berfungsi sebagai pembentuk persefahaman budaya antara kaum di peringkat negara atau kebangsaan, tidak di peringkat peribadi. Ini samalah fungsinya dengan nilai dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara dan matlamat Dasar Ekonomi Baru sebagai pakej 'sosial engineering' yang faedahnya bukan untuk orang Melayu semata-mata tetapi lebih penting lagi untuk faedah dan kepentingan keselamatan, keharmonian, dan kebahagiaan negara.

40. Seperti kata seorang pengkaji Barat, dalam kebanyakan negara terdapat dasar yang membezakan antara 'private culture' dengan 'public culture'. Di Malaysia, 'public culture'-nya termasuklah amalan membaca doa (Islam) di majlis rasmi kerajaan dan ucapan yang disampaikan dalam bahasa kebangsaan di majlis kebangsaan atau majlis rasmi kerajaan, tetapi dasar ini tidak mengharamkan 'private culture' – misalnya, orang yang hendak mengamalkan adat resam mereka di hari-hari perayaan tertentu menurut budaya mereka, misalnya pada Tahun Baru Cina (tarian naga, menyembah roh nenek moyang mereka, dan lain-lain,) tidak dilarang oleh Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Malah, kepelbagaian budaya merupakan 'identiti' yang cukup ketara di Malaysia.

RENUNGAN

41. Perhatikan bahawa tiga bidang yang dijadikan asas untuk membina perpaduan atau integrasi nasional oleh visi Razak ialah pendidikan, pembangunan ekonomi dan kebudayaan. Perhatikan juga bahawa formula atau model yang digunakan ialah *model bebas-etnik*. Dengan kata lain, model itu ialah *model kebangsaan* ('a national/State model'), bukan 'model Melayu', bukan 'model bumiputera', bukan 'model Cina' atau 'model Tamil', dan sebagainya. Inilah wawasan yang perlu difahami dan dihayati oleh kita semua

pada hari ini. Ketiga-tiga bidang itu kait-mengait antara satu sama lain dalam proses menuju ke arah pembangunan yang mengambil kira kepentingan semua penduduk Malaysia tanpa mengira kaum. Itulah asas pembangunan negara yang sesuai bagi negara seperti Malaysia: pembangunan merentas sempadan etnik. Sukar bagi saya untuk memikirkan apakah ada 'model' atau formula lain yang lebih baik daripada itu bagi kita yang lahir, hidup dan mati di negara pelbagai etnik, bahasa, budaya dan agama ini.

42. Dan ingatkan juga bahawa ketiga-tiga dasar yang tersebut itu digubal atau dilaksanakan selepas berlaku Peristiwa 13 Mei. Saya menganggap itu petanda atau amaran bahawa masyarakat Malaysia mudah berpecah apabila sesuatu kaum berasa marah dan tidak puas hati terhadap keadaan ekonomi dan sosial mereka berbanding dengan keadaan kaum-kaum lain. Kita malah boleh melihat peristiwa itu sebagai Rahmat atau Petunjuk daripada Allah bahawa kita di Malaysia perlu bertindak segera atau secara lebih proaktif untuk menyelesaikan masalah itu melalui dasar-dasar yang lebih adil, pro-rakyat, dan bebas-etnik.

43. Tun Razak dan rakan-rakannya dapat berfikir tanpa gangguan politik perkauman (yang kadang-kadang diperjuangkan atas nama demokrasi!) apabila dia menjadi Pengarah MAGERAN. Dia boleh melakukan lebih banyak lagi tindakan yang lebih radikal untuk melaksanakan visi dan ideanya yang sering difikirkannya (dalam hati dan mindanya) untuk mengembalikan 'kedaulatan' atau 'ketuanan Melayu' di negara ini, tetapi dia adalah insan yang memahami erti kesederhanaan dan sentiasa bersedia untuk mencari jalan pertengahan bagi menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi oleh semua kaum di negeri ini. Dia tidak 'gila kuasa' dan tidak 'gila harta', seperti halnya dengan kebanyakan pemimpin negara hari ini (tidak sahaja di negara lain tetapi juga di Malaysia). Dia tidak terus kekal memerintah beberapa tahun lagi melalui MAGERAN. Setelah dia menyelesaikan misinya yang utama dan menggubal formula penyelesaian yang dianggap terbaik untuk negara, dia kembali ke pangkuan demokrasi berparlimen.

44. Seterusnya, dia mula memikirkan soal bagaimanakah politik negeri ini dapat dikembangkan sebagai suatu sistem kerjasama dan permuafakatan politik yang lebih luas untuk mengurangkan konfrontasi politik perkauman yang boleh membawa kepada perpecahan etnik lagi – mungkin lebih dahsyat lagi. Lalu, dia membesarkan keanggotaan Parti Perikatan dengan membentuk gagasan Barisan Nasional. Dia membawa masuk Parti Pas, Parti Gerakan (yang berpecah dari MCA), dan beberapa buah parti politik lain dari Sarawak dan Sabah) ke dalam Barisan ini.

45. Dia menjalin hubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara komunis China. Tindakan ini tentunya menambah keyakinan orang Cina di Malaysia bahawa Razak bukan manusia anti kaum Cina atau seorang Melayu nasionalis yang ekstrim. Di samping itu dia terus memperkukuh hubungan kebudayaan dengan Indonesia, dan merapatkan kerjasama dengan negara-negara jiran yang lain.

46. Dia dianggap oleh orang Melayu sebagai pemimpin berjiwa rakyat. Dialah Bapa Pembangunan; kita sering melihat wajahnya merentas desa, berjalan kaki, kadang-kadang menunggang basikal dan menaiki perahu, melihat keadaan di luar bandar, membawa rancangan kemajuan 'buku merah'nya ke kawasan yang terpinggir. Dia kelihatan tidak pernah berehat, tidak pernah penat (walaupun kita sering melihatnya berjalan merentas desa dengan tongkat), sehingga ada orang yang bertanya: 'Bila masa kah dia tidur?'

47. Dalam pada itu dia tidak membiarkan orang Melayu tersisih daripada proses pembangunan '*urbanisation*'. Beliau pernah menggunakan istilah '*bandarisation*'. Dia menegaskan perlunya orang Melayu mengubah '*mind-set*' tradisionalnya, iaitu kepercayaan bahawa mereka adalah 'orang kampung', bukan 'orang bandar'. Tun Razak mahu kampung Melayu yang tradisional berubah wajah menjadi kawasan maju, kawasan perusahaan, kawasan bandar. Untuk mencapai matlamat itu, dia mengarahkan MARA menghantar anak-anak Melayu dari kawasan luar bandar yang telah lulus dari sekolah kebangsaan pergi menyambung pelajaran mereka ke luar negeri, ke Amerika, ke Britain dan ke tempat-tempat lain, untuk mendedahkan mereka kepada persekitaran yang lebih 'global'. Dia

menubuhkan UDA sebagai badan yang diberikan tanggungjawab untuk menggalakkan penyertaan orang Melayu dalam pembangunan bandar, terutama di Kuala Lumpur dan di kota-kota besar yang lain.

HUBUNGAN SAYA DENGAN RAZAK

48. Saya berpeluang berkhidmat dan bekerjasama dengan Tun Razak sejak tahun 1962 sehingga beliau meninggal dunia. Beliau telah meminta saya menubuhkan Bank Bumiputera, PERNAS, PETRONAS antara beberapa perbadanan awam lain yang ditubuhkan pada zaman pentadbiran Razak. Pada masa itu, saya melihat ada fokus, ada visi dan ada matlamat yang cukup jelas untuk *pembangunan negara demi negara*, demi kepentingan rakyat. Dengan kata lain, pada masa itu, ada 'model' pembangunan yang jelas untuk menuju ke matlamat pembentukan negara-bangsa yang maju melalui perpaduan nasional, melalui integrasi, tidak melalui perpecahan sosial, politik, ekonomi dan budaya. Maka itulah rujukan kami, itulah pedoman kami pada masa itu. Maka mudahlah saya dan rakan-rakan lain yang terlibat dalam proses untuk melaksanakan visi dan wawasan Razak itu, menjalankan tugas kami. Dan oleh kerana fokus dan visinya jelas dan 'sederhana', yakni tidak melampau – Tuhan tidak suka manusia yang melampaui batas - dan niatnya benar, iaitu tujuannya semata-mata demi 'Bangsa, Agama dan Tanah Air', maka Razak yang pada mulanya 'dicurigai' oleh kaum-kaum bukan Melayu, akhirnya beliau difahami dan disanjung sebagai wira rakyat, sebagai wira pembangunan dan wira perpaduan negara.

49. Apabila beliau, sebagai Pengarah MAGERAN, menelefon Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang waktu itu, meminta nasihat beliau apakah yang seharusnya dia lakukan untuk menyelesaikan masalah perpaduan negara semasa/selepas berlaku Peristiwa 13 Mei, Lim Chong Eu berkata: '*Tun, you do whatever you think is right*'. Ini menunjukkan bahawa orang yang mengetahui Razak percaya dan yakin bahawa Razak boleh dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan masalah negara dalam keadaan krisis atau darurat. Dia tidak akan menyalahgunakan kuasanya.

AKHIR KATA

50. Saya hendak menutup ucapan ini dengan melontarkan suatu soalan untuk renungan kita bersama: Apakah kita hari ini mempunyai apa-apa pilihan atau 'model' lain yang dapat mehgantikan wawasan Razak itu sebagai formula yang terbaik *untuk memajukan negara ini atas landasan perpaduan nasional yang benar?* Bagi saya, wawasan Razak itu tetap benar, valid dan relevan – malah lebih valid dan relevan lagi – dalam keadaan kita hari ini nampaknya sedang berbalik kepada keadaan sebelum Merdeka atau sebelum tahun 1969.

51. Saya suka mencadangkan supaya pelajar kita, para pegawai kita, orang-orang di sektor korporat, dan ahli-ahli politik kita (baik dalam UMNO, atau Barisan Nasional, mahupun dari parti 'pembangkang') membaca dan memahami fikiran, wawasan dan visi Razak dalam usahanya untuk meletakkan asas pembangunan dan perpaduan negara yang hasilnya kita warisi hingga hari ini, sama ada kita menyedarinya atau tidak. Alangkah eloknya jika dapat ditulis dan diterbitkan sebuah buku khas yang wajib dibaca (mungkin sebagai buku teks sekolah atau universiti) tentang wawasan Razak dalam bidang pendidikan kebangsaan, dalam bidang pembangunan ekonomi untuk kepentingan integrasi nasional, dalam bidang kebudayaan kebangsaan, dalam bidang permuafakatan politik antara kaum, dan sebagainya, ditulis untuk golongan-golongan yang disebutkan itu. Kebanyakan kita hari ini mungkin cuma melihat atau memahami wawasan Razak itu di kulitnya sahaja, dan ini sering menjadi punca salah faham orang terhadap strategi dan tujuan wawasan Razak itu; mereka tidak memahami isi, nilai, semangat dan matlamatnya yang sebenar, sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat. Inilah yang harus disampaikan kepada generasi kita hari ini.

52. Tentu sahaja, wawasan Razak itu tidaklah 'sempurna seratus peratus'. Tidak ada sistem dan dasar buatan manusia yang sempurna. Hanya Tuhan sahaja yang Maha Sempurna. Tetapi kita tentulah dapat memperbaiki dan memperkukuh asas yang sudah ada, berdasarkan keadaan semasa. Yang penting ialah, asas yang sudah terbukti baik dan berfaedah kepada negara dan kepada semua

penduduk negara ini, jangan dimusnahkan sama sekali atau digantikan dengan dasar dan sistem yang mungkin lebih destruktif kepada masyarakat dan negara. Di dunia ini kita perhatikan bahawa tamadun manusia dan kemajuan sesebuah negara dan sesuatu bangsa semuanya kekal dan terus maju berdasarkan warisan dan tradisi atau 'model' yang mantap dan stabil dan tahan ujian zaman. Masalah dan krisis ekonomi, sosial, budaya dan politik sentiasa timbul apabila kepimpinan negara tidak mempunyai visi dan fokus yang benar (genuine), jelas dan mantap untuk kepentingan bangsa atau rakyat dan negara, berdasarkan *acuan bangsa sendiri*, tidak berdasarkan acuan yang 'bebas' dan yang sentiasa 'berubah-ubah' tanpa arah tuju yang jelas. Rakyat akan menjadi bingung, dan akhirnya orang tidak akan menghormati segala macam dasar dan sistem kerajaan yang tidak menentu dan sentiasa diubah-ubah menurut kepentingan pihak-pihak yang berkuasa dan yang berkepentingan.

53. Memang, bukanlah tugas kerajaan untuk berniaga. Tanggungjawab kerajaan, antara lain, ialah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara, misalnya dengan mewujudkan keadaan yang boleh menarik pelabur asing untuk melabur di negara ini. Tetapi kerajaan yang dipilih oleh rakyat juga mempunyai tanggungjawab moral dan tanggungjawab memelihara kedaulatan negara dan maruah atau jati diri bangsa. Ini bererti bahawa kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa bumi atau kawasan ekonomi kita ini tidak dijadikan milik ekonomi kuasa-kuasa asing sehingga kita nanti akan menjadi tawanan kuasa-kuasa ekonomi dan politik luar, dan rakyat yang memilih kerajaan itu seolah-olah menumpang di kawasan ekonomi milik asing itu di tanah air mereka sendiri.

54. Saya kebetulan terbaca sebuah artikel yang tersiar dalam sebuah akhbar di Bangkok semasa saya berada di sana baru-baru ini. Tajuknya ialah '*From Money Politics to Moral Politics*'. Menurut artikel itu, negara Thai sedang pulih dari kerosakan *politik wang* atau rasuah politik pentadbiran Thaksin. Penulisnya berkata '*While Thailand recovers from the excesses of the previous administration, our people need to be shown that modesty, honesty, hard work and*

moderation are the keys to a harmonious society'. Razak cuba mewujudkan masyarakat yang 'harmonious' itu, baik dari segi kemakmuran ekonominya, lebih-lebih lagi dari segi keharmonian etnik yang cuba dibina melalui dasar pelajaran, dasar pembangunan ekonomi dan dasar kebudayaan kebangsaan, seperti yang telah kita jelaskan sebelum ini. Tetapi jika 'kemajuan ekonomi' atau pelaburan asing digalakkan oleh politik wang, seperti yang berlaku di Thailand itu, kerajaan mempunyai *tanggungjawab moral politik* untuk mencegah perkembangannya sebelum keharmonian masyarakat dan keselamatan negara ini tergugat.

55. Kita tidak perlu takut kepada pelabur asing asal sahaja pelabur asing itu tidak dibiarkan menakluki kawasan kita, seperti yang dilakukan oleh Israel yang menakluki kawasan 'Tebing Barat' dan kawasan-kawasan lain Palestin melalui pencerobohan tentera. Pelaburan asing jangan dibiarkan berkembang menjadi penceroboh atau perampas ekonomi di negara ini.

56. Yang kita khawatir ialah, politik wang dan amalan rasuah yang datang dari dalam diri bangsa kita sendiri – bangsa kita yang berkuasa menentukan nasib bangsa dan negara menurut kehendak mereka, tidak menurut kehendak rakyat, sehingga anak cucu kita nanti tidak mempunyai apa-apa harta lagi untuk meneruskan kehidupan mereka di tanah air sendiri.

KESIMPULAN

57. Sebagai kesimpulan, saya dapat menyifatkan visi Razak sebagai visi yang sangat strategik. Dalam apa jua dasar, keputusan dan tindakan yang difikirkannya, dia memikirkan tentang kepentingan strategik Malaysia, iaitu kepentingan keselamatan negara, kepentingan perpaduan nasional (negara tidak akan aman tanpa perpaduan nasional), malah kepentingan diplomasi dan kerjasama peringkat serantau dan peringkat antarabangsa. Itulah manusia yang telah meninggalkan jasa dan wawasan yang besar kepada kita hari ini. Sayang sekali, umurnya tidak panjang untuk membolehkan dia melihat visinya mencapai hasilnya. Tetapi itu adalah Kehendak Allah.

Marilah kita sedekahkan Al-Fatihah kepada roh Allahyarham. Al-Fatihah.

Terima kasih.

Sekianlah, wassalam mu'alaikum...